

20 JUN 2003

MAHATHIR-EKONOMI/I

MALAYSIA MASIH BOLEH CAPAI WAWASAN 2020

KUALA LUMPUR, 20 Jun (Bernama) -- Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berkata pertumbuhan purata tahunan tujuh peratus dalam tempoh 17 tahun akan datang masih boleh dicapai bagi membolehkan Malaysia menjayakan Wawasan 2020.

Ia boleh dicapai walaupun berlaku peristiwa di luar kawalan seperti serangan 11 Sept. atau penularan SARS (Sindrom Pernafasan Akut Yang Teruk) yang telah memperlambatkan pertumbuhan ekonomi negara, katanya kepada sidang media pada akhir hari kedua Perhimpunan Agung Umno ke-54, di sini hari ini.

Malaysia bercita-cita untuk mencapai status negara maju menjelang 2020 seperti yang dinyatakan dalam konsep Wawasan 2020 yang diutarakan Perdana Menteri pada awal 1990-an.

Dr Mahathir yang ditanya tentang kemajuan ke arah mencapai Wawasan 2020, berkata: "Tanpa krisis mata wang, akibat kegiatan pedagang bajingan mata wang, kita boleh berjaya dengan cemerlang, tetapi mereka menyusut nilai mata wang kita."

Apabila ditanya pula mengenai langkah untuk mengurangkan pergantungan orang Melayu kepada Dasar Ekonomi Negara, beliau menjawab bahawa dalam kes pendidikan, kemasukan ke universiti kerajaan kini berdasarkan kepada merit.

Mereka yang terlibat masih menyesuaikan diri dengan langkah itu, katanya.

Ditanya samada peralihan dasar yang sama akan dilaksanakan dalam sektor perniagaan, beliau berkata ia perlu dikaji terlebih dahulu.

Tentang aduan mengenai pengagihan pinjaman di bawah Skim Kredit Mikro dalam pakej strategi baru ke arah memantapkan pertumbuhan ekonomi negara yang diumumkan bulan lepas, beliau berkata aduan sentiasa ada.

"Kita boleh memutuskan untuk mengeluarkan wang tetapi proses mengeluarkan wang melibatkan manusia. Kadang kala manusia melakukan sesuatu yang manusia lain tidak suka," katanya.

Dr Mahathir berkata sebahagian pemohon gagal mendapatkan pinjaman kerana mereka tidak membuat permohonan yang lengkap. Mereka akan menyalahkan pegawai pinjaman terbabit kerana kecewa, katanya.

Tentang cerita mengenai mangsa kepada penipu yang memberi jaminan boleh mengatur pinjaman untuk dikeluarkan dalam 10 hari tetapi meminta pendahuluan 10 peratus, Perdana Menteri berkata adalah bodoh untuk mempercayai jaminan itu kerana mereka sebenarnya akan kehilangan wang.

Bagaimanapun, katanya, adalah mudah untuk membuat dakwaan tetapi mereka sukar untuk membuktikannya kecuali mereka yang mendakwa menjadi mangsa berani untuk membuat laporan mengenainya kepada pihak berkuasa. -- BERNAMA

SHO SHY JR